

**Peniaga Davao Dan Kota Kinabalu Ikat Perjanjian
Bernama
27 Mac, 2014**

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Satu perjanjian kerjasama dimeterai minggu lepas bertujuan untuk merapatkan hubungan perdagangan dan teknologi dalam lingkungan BIMP-EAGA, antara Davao City Chamber of Commerce and Industry, Incorporated (DCCCII) dan sekumpulan ahli perniagaan Sabah.

Presiden DCCCII Antonio de la Cruz, Presiden Persekutuan Industri Sabah Datuk Seri Wong Khen Thau dan Pengerusi Dewan Perdagangan Antarabangsa Malaysia cawangan Sabah Brig Jeneral Datuk Arulpragasam menandatangani dua Memorandum Kerjasama (MoC) itu yang berlangsung di Lembaga Pembangunan Mindanao (MinDA).

BIMP-EAGA ialah kawasan pertumbuhan timur ASEAN yang terdiri dari Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina, kerjasama ekonomi subrantau yang bermatlamat merangsang ekonomi negara anggota rantau kecil itu dengan meningkatkan aktiviti perdagangan, pelancongan dan pelaburan.

Pengerusi Emeritus DCCCII Sebastian Angliongto berkata perjanjian ini akan mengukuhkan wawasan BIMP-EAGA untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi di wilayah kecil terbabit dengan memaksimumkan kelebihan negara anggota.

Majlis menandatangani perjanjian itu juga adalah sebahagian daripada promosi Mindanao untuk Ekspo Antarabangsa Sabah yang dijadualkan pada 18-21 September di sini.

Sementara itu, Wong yang juga Pengerusi Jawatankuasa Ekspo itu berkata Sabah berminat dalam pembangunan tenaga boleh baharu, dengan Mindanao boleh memberi sokongan pakar terutama dalam pembangunan loji jana kuasa elektrik hidro.

Tahun lepas beberapa misi perniagaan dari Malaysia melawat Mindanao dan meneroka peluang dalam ladang kelapa sawit, pengeluaran getah dan pengedaran automotif.

Penerbangan tiga kali seminggu Puerto Princesa-Kota Kinabalu dilancarkan oleh MASwings pada November tahun lepas, manakala Mindanao akan menjadi tuan rumah persidangan ke-2 BIMP-EAGA dan Persidangan Pemimpin Perniagaan dan Pameran Perdagangan IMT-GT Oktober depan.

IMT-GT ialah kawasan pertumbuhan Tiga Segi Indonesia Malaysia Thailand yang merupakan kumpulan subrantau yang dibentuk pada 1993, dengan matlamat untuk menggalakkan

perdagangan, pelaburan dan pelancongan di negeri-negeri dan wilayah yang kurang maju di Sumatera, Indonesia, Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand.

Pengarah MinDa untuk promosi pelaburan dan pejabat perhubungan awam Romeo Montenegro berkata terdapat banyak peluang untuk diceburi oleh Sabah dan Mindanao, terutama dalam kerjasama ekonomi dan menambah, pelancaran Palawan Brooke Point dan perkhidmatan RoRo (feri membawa kenderaan) akan meningkatkan lagi hubungan sedia ada.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025429>